

GOFEN LIQUIZ SUSPENSION

Ibuprofen (100mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gofen Liquiz
2. Bagaimana Gofen Liquiz berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gofen Liquiz
4. Cara menggunakan Gofen Liquiz
5. Semasa menggunakan Gofen Liquiz
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gofen Liquiz
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Gofen Liquiz

Gofen Liquiz digunakan untuk melegakan demam yang berkaitan dengan selesema, serta sakit yang berkaitan tumbuh gigi, sakit gigi, sakit telinga, sakit tekak, sakit kepala, serta terseliuh yang ringan.

Juga untuk melegakan keradangan otot dan sendi.

Bagaimana Gofen Liquiz berfungsi

Gofen Liquiz mengandungi ibuprofen, sejenis ubat *non-steroidal anti-inflammatory drugs* (NSAIDs). Ia berfungsi mengurangkan penghasilan prostaglandin yang merupakan bahan semulajadi yang menyebabkan sakit dan keradangan.

Sebelum menggunakan Gofen Liquiz

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap ibuprofen atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Anda mempunyai hipersensitiviti kepada aspirin, ibuprofen atau ubat *nonsteroidal anti-inflammatory drugs*.
- Anda mempunyai sejarah ulser peptik.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Gofen Liquiz jika anda:

- Asma atau alergi
- Sebarang masalah gastrousus

- Masalah buah pinggang, hati dan jantung
- Tekanan darah tinggi
- Pendarahan gastrousus (kerap minum alkohol, merokok atau mengambil ubat atau keadaan yang boleh meningkatkan terjadi pendarahan).

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Lithium
- Methotrexate
- Ubat cair darah
- Ubat tekanan darah tinggi
- Lain-lain ubat tahan sakit

Cara menggunakan Gofen Liquiz

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Bayi 3–6 bulan dengan berat melebihi

5kg: 2.5ml boleh diambil 3 kali dalam tempoh 24 jam.

Bayi 6–12 bulan: 2.5ml boleh diambil 3 hingga 4 kali dalam tempoh 24 jam.

Kanak-kanak 1–3 tahun: 5ml boleh

diambil 3 kali dalam tempoh 24 jam.

Kanak-kanak 4–6 tahun: 7.5ml boleh

diambil 3 kali dalam tempoh 24 jam.

Kanak-kanak 7–9 tahun: 10ml boleh

diambil 3 kali dalam tempoh 24 jam.

Kanak-kanak 10–12 tahun: 15ml boleh diambil 3 kali dalam tempoh 24 jam.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sakit kepala, mual, muntah, mengantuk dan kehilangan kesedaran.

Semasa menggunakan Gofen Liquiz

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Gofen Liquiz.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Gofen Liquiz kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda rasa sakit, pening atau letih, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Gofen Liquiz boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan biasanya ringan dan sementara: ketidakselesaan perut, loya, ulser perut, ruam atau asma yang semakin teruk, masalah hati dan buah pinggang, pening, sakit kepala dan gangguan pendengaran.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Gofen Liquiz

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C, jauhkan daripada cahaya dan kepanasan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi *off-white* dengan rasa oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Ibuprofen
- Bahan tidak aktif
 - Potassium sorbate, Citric acid anhydrous, Trisodium citrate dihydrate, Saccharin sodium, Sodium chloride, Xanthan gum, Hypromellose, Maltitol syrup, Glycerin, Polysorbate 80, Orange flavor, Purified water.

- Nombor MAL

MALXXXXXXXXXA

Pengilang

MEGA LIFESCIENCES Public Company Limited
515/1 Soi 8, Bangpoo Industrial Estate,
Pattana 3 Road, Moo 4, Phraeksa,
Mueang, Samutprakarn 10280, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

MEGA LIFESCIENCES SDN BHD
B-28-02, The Ascent, Paradigm,
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

12/06/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/062